



## **FREQUENTLY ASK QUESTIONS PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA (PIDN) TAHUN 2021**

### **1. Apakah itu Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) Tahun 2021?**

Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) bagi tahun 2021 merupakan penajaan yang berfokus kepada pelajar peringkat ijazah pertama yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA), Politeknik Premier dan *Government Linked Universities* (GLU). Penajaan program ini adalah dalam bentuk **Pinjaman Boleh Ubah (PBU)**.

### **2. Apakah syarat-syarat permohonan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) Tahun 2021?**

2.1 Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut :

#### **2.1.1 Syarat Umum**

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (iii) Tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- (iv) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama;
- (v) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM); dan
- (vi) Umur tidak melebihi 22 tahun pada tahun permohonan (23 tahun bagi pelajar peralihan).

## **2.1.2 Syarat Khusus**

### **A. Bidang SELAIN Perubatan dan Pergigian:**

- (i) Pelajar yang telah memulakan pengajian dan memperoleh PNGK terkini **sekurang-kurangnya 3.00**;

**atau**

- (ii) Pelajar yang telah memulakan pengajian tetapi belum melengkapkan sekurang-kurangnya satu semester di peringkat Ijazah Pertama hendaklah memenuhi syarat memperoleh **sekurang-kurangnya PNGK 3.30** di peringkat Diploma dari UA / Politeknik / IPTS (GLU) yang disenaraikan / Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM);

**atau**

- (iii) memperoleh sekurang-kurangnya keputusan **Jayyid Jiddan** dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan mengambil sekurang-kurangnya empat mata pelajaran;

**dan**

- (iv) **Mempunyai baki 18 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini / semasa.**

### **B. Bidang Perubatan dan Pergigian:**

- (i) Memperolehi keputusan ‘**Lulus**’ bagi semester terkini pengajian bagi bidang perubatan dan pergigian;

**dan**

- (ii) **Mempunyai baki 24 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini / semasa.**

**3. Bagaimana saya boleh memohon penajaan JPA di bawah Program Ijazah Dalam Negara Tahun 2021?**

Permohonan dibuka secara atas talian (*online*) di <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai **11 Mac 2021 (Khamis) hingga 23 Mac 2021 (Selasa)**. Calon boleh merujuk *Frequently Asked Questions* (FAQ) yang dimuat naik di Portal JPA bagi maklumat lanjut program yang ditawarkan.

Calon dibenarkan mendaftar, mengemaskini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Penajaan Program PIDN Tahun 2021** sebagai bukti permohonan telah dibuat. Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman web JPA di <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my/>

**4. Apakah saluran yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?**

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3297** pada setiap hari bekerja mulai jam 9.00 pagi hingga 4:30 petang atau emelkan kepada pidn2021@jpa.gov.my (talian dan emel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja iaitu mulai 11 sehingga 23 Mac 2021).

Sesi **soal jawab secara langsung** juga diadakan sepanjang tempoh permohonan dibuka berdurasi satu (1) jam iaitu pada jam **9.00 – 10.00 pagi** dan **3.00 – 4.00 petang** di pautan [meet.google.com/jyb-hnkd-ctw](https://meet.google.com/jyb-hnkd-ctw).

**5. Apakah mekanisme Penguatkuasaan Perjanjian Pinjaman Boleh Ubah?**

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- (i) pinjaman ditukar kepada biasiswa penuh dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
- (ii) bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
- (iii) bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
- (iv) selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman.

## **6. Bilakah tarikh tutup permohonan program ini?**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **23 Mac 2021 (Selasa) jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

## **7. Bilakah tarikh keputusan permohonan program ini akan dimaklumkan?**

Keputusan permohonan penajaan ini dijangka akan diumumkan dalam portal eSILA di alamat <http://esilav2.jpa.gov.my/> pada **Jun 2021**. Jika terdapat sebarang perubahan pengumuman tarikh keputusan, ia akan dimaklumkan dalam portal berkenaan.

## **LAIN-LAIN SOALAN BERKAITAN**

### **8. Saya sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan. Adakah saya akan ditawarkan penajaan secara automatik?**

Pelajar dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi yang telah mendapat tempat di IPTA perlu memohon secara dalam talian (*online*). **Tiada penajaan secara automatik bagi apa-apa bidang akan diberikan.**

- 9. Saya mendapat penajaan JPA, tetapi saya tidak mempunyai akaun Bank Islam. Adakah saya perlu membuka akaun sendiri atau pihak JPA akan membantu untuk membuka akaun bagi membolehkan saya mendapat penajaan JPA?**

Pembukaan akaun bank kepada semua pelajar yang berjaya mendapat tajaan akan diselaraskan oleh JPA dengan kerjasama pihak bank. Pelajar akan diberikan nombor akaun baharu.

- 10. Saya telah menerima tawaran penajaan JPA, tetapi pada masa yang sama telah mendapat pinjaman PTPTN, apakah yang perlu saya buat?**

Jika pelajar memilih untuk menerima tawaran penajaan JPA, pelajar perlu menamatkan kemudahan pinjaman PTPTN atau penaja-penaja lain.

- 11. Adakah pihak JPA membenarkan saya menukar universiti tanpa membatalkan penajaan saya?**

Pihak JPA tidak membenarkan pelajar tajaannya membuat pertukaran universiti tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak JPA terlebih dahulu. Jika pelajar berbuat demikian, penajaan pelajar boleh ditamatkan.

- 12. Bolehkah saya bertukar kursus atau bidang atau universiti selepas mengikuti pengajian dan menerima tajaan JPA?**

Secara dasarnya, sebarang pertukaran kursus adalah tidak dibenarkan melainkan atas sebab-sebab yang kukuh dan munasabah. Sekiranya pelajar ingin juga menukar kursus, sila kemukakan permohonan rasmi kepada Jabatan ini dengan memaklumkan sebab-sebab ingin bertukar kursus. Kelulusan permohonan tersebut akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa.

Sekiranya mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut, maka penajaan ke atas pelajar akan diteruskan untuk kursus yang baharu. Namun, jika sebaliknya, penajaan ke atas pelajar mungkin akan ditamatkan.

**13. Bolehkah saya bertukar penaja sekiranya saya ditawarkan oleh penaja lain setelah saya menerima penajaan JPA?**

Pelajar tajaan JPA tidak dibenarkan sama sekali menerima tajaan lebih daripada satu penaja. Jika pelajar ingin menukar penaja lain, sila kemukakan surat rasmi ke Jabatan ini.

**14. Saya telah mendapat tajaan JPA semasa di peringkat Diploma dan ingin menyambung ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Adakah saya perlu memohon semula untuk mendapatkan penajaan di peringkat Ijazah Sarjana Muda?**

Ya. Pelajar perlu memohon semula penajaan JPA untuk peringkat Ijazah Sarjana Muda walaupun telah mendapat penajaan JPA semasa di peringkat Diploma.

**15. Apakah bidang yang ditaja oleh JPA?**

Bidang-bidang yang ditaja oleh JPA seperti berikut:

1. Klinikal dan Kesihatan
2. Kejuruteraan dan Teknikal
3. Sains
4. Sains Sosial
5. Senibina
6. Veterinar

**16. Apakah bidang yang tidak ditaja oleh JPA?**

Bidang-bidang yang tidak ditaja oleh JPA seperti berikut:

- (i) Bidang pendidikan;
- (ii) Bidang berkaitan penerbangan yang memerlukan pelajar mengambil **lesen penerbangan**;
- (iii) Program-program berbentuk francais universiti awam / IPTS;

- (iv) Program-program berkembar / *dual ijazah* / *double degree* dengan institusi lain kecuali yang dibenarkan;
- (v) Program kejururawatan, separa perubatan dan program pra perkhidmatan;
- (vi) Program-program berkaitan sijil profesional seperti ACCA; dan
- (vii) Program pengajian secara separuh masa / jarak jauh / atas talian / pengajian tanpa subsidi yuran pengajian.

**17. Adakah pelajar yang mendapat penajaan JPA akan diberikan pekerjaan di sektor awam secara automatik selepas menamatkan pengajian?**

Tidak. Pelajar perlu memohon sendiri dengan pihak berkuasa melantik bagi tujuan tersebut.

**18. Adakah pelajar yang mendapat penajaan JPA dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan selepas tamat tempoh pengajian?**

Tidak semestinya. Sekiranya pelajar berkhidmat dalam perkhidmatan awam, pinjaman ini akan ditukarkan kepada biasiswa. Namun jika pelajar memilih untuk tidak berkhidmat dalam perkhidmatan awam, pelajar perlu membayar semula pinjaman mengikut kadar yang telah ditetapkan. **Sila rujuk perkara 5 di atas.**

**19. Bapa saya adalah seorang pesara Kerajaan? Apakah yang saya perlu isi di ruang pendapatan bapa?**

Bagi pesara Kerajaan, sila isikan jumlah pencen yang diterima bagi setiap bulan di ruangan tersebut.

- 20. Bagaimana sekiranya nama kursus yang ditawarkan oleh pihak universiti kepada saya tidak berada di dalam senarai borang permohonan online PIDN?**

Pada tab Maklumat Akademik, sila pilih ‘lain-lain bidang’ pada maklumat nama program pengajian.

- 21. Saya merupakan pelajar dalam bidang kejururawatan. Adakah saya layak untuk memohon penajaan JPA di bawah PIDN?**

Untuk makluman, Jabatan ini tidak menawarkan penajaan bagi pelajar-pelajar Diploma Kejururawatan atau Separa Perubatan yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

- 22. Sekiranya saya menolak tawaran Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) Tahun 2021, adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?**

Ya. Pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA sekiranya melepas syarat-syarat permohonan program penajaan.

\*Dikemaskini pada 11 Mac 2021

**-TAMAT-**